

# Sahabat Nabī

## Mus‘ab ibn ‘Umayr

Salah seorang yang sangat-sangat berjasa dalam penyebaran Islam ialah sahabat Nabī yang terbilang – Mus‘ab ibn ‘Umayr ibn Hashim ibn ‘Abd Manāf al-Qurshī. Ia terkenal seorang anak muda yang cantik parasnya, kemas dan padan pakaianya, serta semerbak harum baunya. Mus‘ab dizahirkan pada tahun 27 sebelum Hijrah (587M).

Mus‘ab telah memeluk Islam ketika berumur 24

tahun dan telah menderita dianiaya oleh keluarga dan

kaumnya kerana ia memeluk agama Islam. Akhirnya ia telah

dipenjarakan. Setelah dibebaskan, Mus‘ab pun berhijrah ke negeri Ḥabshah bersama-sama dengan beberapa sahabat-sahabat Nabī yang lain. Tidak beberapa lama antaranya ia pun kembali ke Makkah dengan harapan mudah-mudahan kaum Jahiliah tidak mengganggunya lagi, lalu ia tinggal di sisi Nabī.

### Guru Agama

Mus‘ab telah diutus oleh Nabī ke Madinah menjadi guru agama dan Quran kepada penduduk Madinah yang telah memeluk Islam.


Kebetulan pada tahun itu, sebelum Nabī berhijrah, suatu rombongan dari kaum Anṣar yang telah memeluk Islam telah tiba di Makkah dan telah memberi ikrar setia bahawa mereka sedia memberi sepenuh-penuh bantuan kepada Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam*. Bersama-sama dengan rombongan kaum Anṣar inilah Mus‘ab diutus oleh Nabī ke Madinah

menjadi guru dan penyiar Islam di negeri yang bakal mempunyai sejarah yang cemerlang dalam perkembangan Islam.

Di Madinah, Mus‘ab tinggal di rumah Sa‘ad bin Zurārah.

Pada suatu hari tatkala Mus‘ab sedang megajar di sebuah

kampung, seorang ketua kaum yang terkenal, Usayd ibn Ḥuḍayr,



*Dalam dunia Islam, Mesirlah salah sebuah negeri*

*Islam yang banyak sekali dihiasi oleh masjid-masjid yang indah mutu keseniannya. Masjid ini ialah contohnya.*

yang masih belum Islam, telah pergi ke tempat Mus‘ab dengan tujuan hendak menyekat dan menghalauanya, kerana ia dipandang hendak mengacau kaumnya.

### Bacaan Quran yang Menawan Hati

Setelah diketahui tujuan kedatangannya, Mus‘ab pun meminta dengan segala hormatnya supaya Usayd duduk sebentar mendengar sendiri akan ajaran Islam yang dibawanya. Mus‘ab pun menerangkan ajaran Islam dan kemudian membaca Quran. Tatkala Usayd mendengar akan bacaan Quran yang sangat menarik hati itu, berkatalah ia: “Alangkah eloknya kata-kata yang tuan baca itu dan alangkah indahnya!” Usayd pun memeluk Islam di situ juga, kemudian berkata “Saya ada seorang sahabat, Sa‘ad bin Mu‘ādh, kalau dia memeluk Islam, harus sekalian kaumnya akan turut memeluk Islam. Saya akan panggil dia ke mari.

Tidak berapa antaranya, datanglah Sa‘ad hendak mendengar ajaran Islam yang dibawa oleh guru Islam itu. Ia pun dipersilakan duduk dan Mus‘ab pun menerangkan ajaran Islam dan kemudiannya membaca Quran.

Setelah Sa‘ad mendengar akan ajaran Islam dan memahamkan kandungan ayat-ayat suci yang telah dibacakan oleh Mus‘ab, berkatalah “Dia<sup>1</sup> apa yang akan kami lakukan apabila kami hendak memeluk agama Islam?”

Mus‘ab menjawab: Hendaklah tuan mandi dan memakai pakaian yang bersih, kemudian tuan ucapan dua kalimah syahadah.”

Sa‘ad pun bangun, lalu pergi mandi dan memakai pakaian bersih, lalu datang semula kemudian mengucap dua kalimah syahadah. Setelah itu Sa‘ad pun pergi

mendapatkan kaumnya dengan ditemani oleh Usayd. Setibanya di hadapan kaumnya, ia pun berkata: Wahai Banī al-Ashhal!

Bagaimana kedudukan aku di antara kamu?

“Tuan ialah penghulu kami dan orang yang bijaksana daripada kami”, jawab mereka. Mendengarkan itu, Sa‘ad berkata: “Kata-kata kamu ini tidak aku mahu menerimanya sebelum kamu semua beriman akan Allah dan Rasul-Nya.” Mereka pun memeluk Islam dengan tidak bertangguh lagi.

Tinggallah Mus‘ab di Madinah menyiaran Islam, sehingga Islam terkembang dengan luasnya dalam kalangan penduduknya.

Mus‘ab telah gugur syahid di medan perang Uhud (Ūḥūd) kerana mempertahankan Islam dari langgaran musuhnya.

“Akan engkau maki-maki lagi Muḥammad?

Aku telah beragama dengan agama Muḥammad dan akan aku ucapkan apa yang diucapkan Muḥammad. Kalau engkau berani cuba balas pukulanku” – Ini ialah perkataan Ḥamzah ibn ‘Abd al-Muṭalib ketika memukul Abū Jahal.

### Hamzah

Pahlawan Islam yang gagah, ayah saudara Nabī! Sejarahnya ini disebut di dalam buku Syuhada Islam 1 dengan nama:

### Singa Allah

#### Hamzah ibn ‘Abd al-Muṭalib

Ceritanya bersemangat dan membawa semangat. Lihat sejarah keberaniannya. Senaskah hanya 50 sen *post* 10 sen.

<sup>1</sup>Mungkin yang hendak dimaksudkan oleh pengarang ialah ‘jadi’